



## DOKUMEN SEBUT HARGA

UNTUK

**PELAWAAN SEMULA SEBUT HARGA MEMBEKALKAN PERKHIDMATAN  
REKABENTUK & PERCETAKAN PENERBITAN BUKU LAPORAN AKHIR DAN  
RINGKASAN LAPORAN "*IMPACT ASSESSMENT OF MyCC ENFORCEMENT  
ACTIVITIES*"**

**SEBUT HARGA MyCC(S) BIL : 8/2023**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)  
Tingkat 15 Menara SSM@Sentral,  
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral,  
50623 Kuala Lumpur.  
TEL: 03-2273 2277  
FAX: 03-2272 2293**

**Peringatan :**

PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI **MEMBACA DAN MEMAHAMI** KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA SEBELUM MENGEMUKAKAN TAWARAN SEBUT HARGA. PENYEBUT HARGA YANG MEMBUAT SEBUT HARGA TIDAK MEMATUHI MANA-MANA FASAL DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.

## **ISI KANDUNGAN**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.0	KENYATAAN SEBUT HARGA	3
2.0	ARAHAN/SYARAT-SYARAT AM KEPADA PENYEBUT HARGA	3
3.0	PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN	4
4.0	MAKLUMAT DAN PENGALAMAN SYARIKAT	4
5.0	PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA	4
6.0	PERTANYAAN	6
7.0	HARGA TAWARAN	6
8.0	MENARIK BALIK TAWARAN / MENOLAK BALIK TAWARAN	6
9.0	TEMPOH SAH LAKU TAWARAN	7
10.0	SURAT SETUJU TERIMA SEBUT HARGA	7
11.0	KONTRAK	7
12.0	DUTI SETEM	7
13.0	PERINGATAN MENGENAI RASUAH	7
14.0	PENERIMAAN SEBUT HARGA	8
15.0	SYARAT-SYARAT TAMBAHAN	8

LAMPIRAN	NAMA LAMPIRAN	MUKA SURAT
LAMPIRAN A	MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK KATEGORI TEKNIKAL	9
LAMPIRAN A1	JADUAL TEKNIKAL SPESIFIKASI REKABENTUK BUKU LAPORAN AKHIR	10
LAMPIRAN A2	PENYERAHAN CONTOH/SAMPLE DAN KATALOG	14
LAMPIRAN A3	CADANGAN JADUAL PELAKSANAAN	15
LAMPIRAN B	MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK KATEGORI KEWANGAN	16
LAMPIRAN B1	SURAT AKUAN PEMBIDA	18
LAMPIRAN B2	SALINAN SIJIL AKAUN PENDAFTARAN DARI KEMENTERIAN KEWANGAN & SIJIL PENDAFTARAN SSM	20
LAMPIRAN B3	SALINAN SALINAN SIJIL AKAUN BUMIPUTERA DARI KEMENTERIAN KEWANGAN (WAJIB)	21
LAMPIRAN B4	LAMPIRAN Q	22
LAMPIRAN B5	BORANG KETERANGAN MENGENAI PEMBEKAL	26
LAMPIRAN B6	JADUAL HARGA SPESIFIKASI REKABENTUK DAN PERCETAKAN BUKU LAPORAN AKHIR	29
LAMPIRAN B7	SALINAN PENYATA KEWANGAN BAGI TIGA (3) BULAN TERAKHIR (SEPTEMBER, OKTOBER & NOVEMBER)	32
LAMPIRAN B8	SENARAI NAMA PROJEK YANG PERNAH DILAKSANAKAN	33

Semua menyebut harga hendaklah mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam dokumen pelawaan ini, melainkan setakat mana syarat-syarat tersebut ditolak atau diubah oleh pihak SURUHANJAYA.

## **1.0 KENYATAAN SEBUT HARGA**

### **1.1 Tujuan Sebut harga**

- 1.1.1 Sebut harga ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat dalam bidang perkhidmatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan masih dibenarkan untuk membuat sebut harga pada masa ini untuk perkhidmatan yang tersebut di atas.
- 1.1.2 Pelawaan ini adalah terikat kepada arahan-arahan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

### **1.2 Tempoh Sebut harga**

- 1.2.1 Tempoh Sebut Harga bagi perolehan ini adalah selama **10 hari kalendar bermula pada 26 Disember 2023 (Selasa)** dan **tarikh tutup sebut harga adalah pada 04 Januari 2024 (Khamis)**.
- 1.2.2 Penyebut harga hendaklah mengemukakan tawaran **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari pada 04 Januari 2024 (Khamis)**. Tawaran yang dikemukakan selepas jam 12.00 tengah hari **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

## **2.0 ARAHAN/SYARAT-SYARAT AM KEPADA PENYEBUT HARGA**

**Penyebut harga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai sebut harga.**

### **2.1 KELAYAKAN UNTUK MEMASUKI SEBUT HARGA**

- 2.1.1 Semua syarikat-syarikat yang hendak menyertai sebut harga ini hendaklah terlebih dahulu **berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang **Mencetak Buku, Majalah, Laporan Akbar (221601) atau Rekabentuk Percetakan (221615)**.
- 2.1.2 Salinan surat Pendaftaran Kementerian Kewangan hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran. Jika tempoh pendaftaran telah ataupun hampir tamat, penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan surat daripada Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa permohonan untuk lanjutan telah dibuat.

- 2.1.3 Penyebut harga ini adalah terbuka kepada syarikat-syarikat **bertaraf bumiputera** sahaja. Salinan Sijil Taraf Bumiputera daripada Kementerian Kewangan hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran.
- 2.1.4 Sebut harga hendaklah dibuat di atas borang-borang yang telah disediakan (selepas ini dipanggil "Dokumen Sebut Harga"). Borang-borang lain tidak diterima kecuali sebagai tambahan kepada borang asal yang mengandungi ruang-ruang yang sama dan serupa dari segi ukurannya.
- 2.1.5 Penyebut harga mestilah mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan memiliki pengalaman dalam kajian berkaitan;
- 2.1.6 Penyebut harga hendaklah mematuhi semua syarat dan terma yang ditetapkan apabila menyertai Sebut Harga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat dan terma yang ditetapkan boleh menyebabkan penyertaan penyebut harga ditolak;

### **3.0 PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN**

- 3.1 Semua pembetulan / pindaan ke atas kesilapan – kesilapan yang dibuat hendaklah ditandatangani secara ringkas oleh orang yang menandatangani Dokumen Sebut harga serta dicop dengan Cop Syarikat penyebut harga. Tandatangan ringkas dan pembetulan hendaklah dibuat dengan jelas dan setentang dengan kesilapan yang dibetulkan atau dipinda.

### **4.0 MAKLUMAT DAN PENGALAMAN SYARIKAT**

- 4.1 Penyebut harga perlu menyediakan maklumat mengenai syarikat dengan melengkapkan **Lampiran B4** dan menyertakan **Profil Syarikat**.
- 4.2 Penyebut harga perlu menyatakan pengalaman syarikat dalam perkhidmatan yang tersebut di atas dengan mengemukakan nama-nama dan alamat syarikat atau agensi yang terlibat. **Lampiran B8**

### **5.0 PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

- 5.1 Tawaran Sebut harga yang diserahkan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

i. **Kategori Teknikal**

- (a) SATU (1) **DOKUMEN ASAL** berbentuk *hard copy* dan DUA (2) **DOKUMEN SALINAN** berbentuk *hard copy*.
- (b) Semua dokumen sokongan termasuk borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah dijilidkan bersama dengan Tawaran Teknikal secara *ring bounded* agar tersusun rapi dan tiada keciciran maklumat.
- (c) Ketiga-tiga Tawaran Teknikal di atas hendaklah diikat bersekali dan dibalut dengan *brown paper* serta hendaklah ditandakan "**Kategori Teknikal**" di sebelah kiri atas sampul berkenaan.

ii. **Kategori Kewangan**

- (a) SATU (1) **DOKUMEN ASAL** berbentuk *hard copy* dan DUA (2) **DOKUMEN SALINAN** berbentuk *hard copy*.
- (b) Semua dokumen sokongan termasuk borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah di jilidkan bersama dengan Tawaran Harga secara *ring bounded* agar tersusun rapi dan tiada keciciran maklumat.
- (c) Ketiga-tiga Tawaran Harga di atas hendaklah diikat bersekali dan dibalut dengan *brown paper* serta hendaklah ditandakan "**Kategori Kewangan**" di sebelah kiri atas sampul berkenaan.

- 5.2 Bagi Kategori Kewangan di atas hendaklah disertakan dengan **DOKUMEN SOKONGAN** yang mengandungi:  
**Sijil Pendaftaran Kewangan, Pendaftaran Taraf Bumiputera (sekiranya ada), Profil Syarikat, Penyata Bank bagi tiga (3) bulan terakhir dan lain-lain maklumat tambahan** berkaitan **DAN** dimasukkan ke dalam satu sampul bersaiz besar yang berlakri (*sealed*). Sampul/kotak berkenaan hendaklah ditulis seperti berikut:

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN  
SURUHANJAYA PERSAINGAN (MyCC)  
Tingkat 15 Menara SSM@Sentral,  
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral,  
50623 Kuala Lumpur.  
MyCC(S) Bil:8/2023**

- 5.3 Penyebut harga hendaklah menghantar Dokumen Sebut Harga yang lengkap dan sempurna diisi secara **SERAHAN TANGAN** ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan sebelum tarikh dan waktu tutup Sebut Harga seperti di alamat berikut:

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN  
SURUHANJAYA PERSAINGAN (MyCC)  
Level 15 Menara SSM@Sentral,  
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral,  
50623 Kuala Lumpur.**

- 5.4 Serahan Dokumen Sebut Harga secara pos/kurier/emel/faks **Tidak Akan Dipertimbangkan.**
- 5.5 Semua dokumen yang dikemukakan bersama Dokumen Sebut Harga oleh Penyebut harga adalah menjadi hak milik SURUHANJAYA dan tidak akan dikembalikan.
- 5.6 SURUHANJAYA tidak terikat untuk menerima Tawaran Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Tawaran Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan tersebut. SURUHANJAYA juga berhak menerima keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Sebut Harga dan keputusan SURUHANJAYA adalah muktamad.
- 5.7 **Tarikh tutup** bagi mengemukakan tawaran ialah pukul **12.00 tengahari, pada 04 Januari 2024 (Khamis).**
- 5.8 Pihak Suruhanjaya berhak menolak mana-mana dokumen yang tidak lengkap atau lewat diterima.

## **6.0 PERTANYAAN**

- 6.1 Sebarang pertanyaan mengenai sebut harga ini bolehlah menghubungi pegawai yang berkenaan seperti di bawah:

**En. Izzat Muhammin Aziz bin Pauzzi**

**Tel: 03-2273 2277**

**Emel: [izzat@mycc.gov.my](mailto:izzat@mycc.gov.my)**

ATAU

**Puan Rafidah binti Abd Rahman**

**Tel: 03-2273 2277**

**Emel: [rafidah@mycc.gov.my](mailto:rafidah@mycc.gov.my)**

## **7.0 HARGA TAWARAN**

- 7.1 Harga-harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ditutup dan akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sahlaku sebut harga. Harga yang ditawarkan oleh penyebut harga yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

## **8.0 MENARIK BALIK TAWARAN / MENOLAK TAWARAN**

- 8.1 Penyebut harga tidak boleh menarik balik tawaran sebelum sebut harga dipertimbangkan atau menolak tawaran dibuat. Jika penyebut harga menarik diri atau menolak tawaran, nama penyebut harga akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk tindakan tatatertib, termasuk penggantungan pendaftaran.

## **9.0 TEMPOH SAH LAKU TAWARAN**

- 9.1 Tempoh sah laku sebut harga ini ialah selama 90 hari bermula daripada tarikh sebut harga ditutup. Tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.

## **10.0 SETUJU TERIMA SEBUT HARGA**

- 10.1 Suruhanjaya tidak terikat dengan sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga jua pun. Keputusan sebut harga adalah muktamad. Suruhanjaya tidak akan melayan sebarang surat-menurut yang berupa rayuan dari penyebut harga berkenaan atas sebab-sebab sebut harga mereka tidak berjaya.
- 10.2 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian kontrak dengan Suruhanjaya dan adalah terikat dengan syarat dan terma yang terkandung dalam Perjanjian tersebut.

## **11.0 KONTRAK**

- 11.1 Surat perjanjian tidak akan diadakan bagi kontrak yang bernilai kurang daripada RM50,000.00 sementara bagi kontrak yang bernilai lebih daripada RM50,000.00 satu perjanjian akan diadakan. Penyebut harga yang berjaya adalah terikat dengan syarat-syarat perjanjian tersebut. Sebarang pindaan terhadap dokumen kontrak akan diberitahu kelak. Syarat-syarat dalam penentuan sebut harga dan syarat-syarat dalam surat tawaran adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.

11.2 Bagi kontrak bermasa (*time contract*), jumlah kuantiti adalah anggaran sahaja bagi tempoh kontrak yang ditetapkan.

11.3 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menyediakan kontrak asal serta salinan-salinan fotostat kontrak yang mana segala perbelanjaan tersebut adalah ditanggung oleh penyebut harga.

## **12.0 DUTI SETEM**

12.1 Mana-mana duti setem yang perlu dibayar dan perbelanjaan yang berbangkit mengenai perjanjian ini akan ditanggung oleh penyebut harga.

## **13.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH**

13.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawarkan atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

13.2 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada sebarang barang dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

## **14.0 PENERIMAAN SEBUT HARGA**

14.1 Suruhanjaya berhak menerima kesemua atau sebahagian daripada spesifikasi/skop bekalan/perkhidmatan/kerja yang telah ditawarkan daripada mana-mana tawaran sebut harga.

## **15.0 SYARAT-SYARAT TAMBAHAN**

Syarat –syarat tambahan ini adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.

### **15.1 PEMBAYARAN**

15.1.1 Pembayaran bagi perkhidmatan ini akan dibuat berdasarkan invois yang telah disahkan oleh Suruhanjaya Persaingan berserta dengan salinan akaun bank syarikat.

**15.2 PENAMATAN DISEBABKAN OLEH RASUAH, TIPUAN BIDA, AKTIVITI TIDAK SAH ATAU AKTIVITI YANG MENYALAHI UNDANG-UNDANG**

- 15.2.1 Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain Kerajaan, sekiranya syarikat, kakitangan, perkhidmat atau pekerjanya disabitkan oleh Mahkamah terlibat dengan rasuah, aktiviti tidak sah atau apa-apa perjanjian-perjanjian lain yang dimasuki oleh syarikat dengan Kerajaan, atau didapati terlibat dengan tipuan bida oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Kerajaan hendaklah berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis bertulis dengan serta merta kepada Syarikat untuk menyatakan sedemikian kepada Syarikat.
- 15.2.2 Kerajaan berhak menuntut daripada Syarikat apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan akibat daripada penamatan itu.
- 15.2.3 Pihak-pihak bersetuju bahawa Syarikat tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu.

**16.0 PERTIKAIAN**

Apa-apa pertikaian yang terbit di antara SURUHANJAYA dengan penyebut harga mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa persetujuan, atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit daripadanya atau yang berhubung dengannya hendaklah kecuali selainnya dipersetujui dengan tertentu dengan bertulis di antara SURUHANJAYA dengan Penyebut harga, dirujukkan kepada pertimbangtaraan dua orang, seorang dilantik oleh SURUHANJAYA dan seorang oleh Penyebut harga. Tiap-tiap seorang yang dilantik itu hendaklah bebas daripada pihak-pihak yang membuat persetujuan ini.

**DOKUMEN ASAL / SALINAN NO. DARIPADA 2**  
*(sila potong sama ada dokumen asal atau salinan. Jika salinan, sila nomborkan salinan)*

**KATEGORI TEKNIKAL**

**MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK KATEGORI TEKNIKAL**

Senarai semak berikut perlulah dimasukkan sebagai MUKA DEPAN di dalam Kategori Teknikal. Penyebut harga hendaklah memastikan Kategori Teknikal tidak menyatakan nama atau logo syarikat dan lengkap diisi yang merangkumi semua item-item yang dinyatakan seperti di bawah. Kegagalan Penyebut harga melaksanakan demikian akan mengakibatkan Tawaran Sebut Harga Tidak Akan Dipertimbangkan.

No.	<b>NO SIRI DOKUMEN PELAWAAN:</b> MyCC (S), Bil.8/2023 <i>(sila isi no. siri di atas seperti yang tertera di muka depan dokumen pelawaan)</i>			
	<b>Dokumen Yang Perlu Diserahkan</b>	<b>Sila Tanda (✓)</b>		
		<b>Ditanda oleh Penyebut Harga</b>	<b>Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga</b>	<b>Muka Surat di Tawaran Teknikal</b>
1.	Jadual Teknikal Spesifikasi Rekabentuk Buku Laporan Akhir yang telah diisi dan dilengkapkan <b>Lampiran A1</b>			
2.	Penyerahan Contoh/Sampel dan Katalog <b>Lampiran A2</b>			
3.	Cadangan Jadual Pelaksanaan dilabelkan <b>Lampiran A3</b>			

**JADUAL TEKNIKAL**

Spesifikasi Rekabentuk & Percetakan Penerbitan Buku Laporan Akhir dan Ringkasan Laporan "Economic Impact Assessment of MyCC's Enforcement Activities"

Bil.	Perkara / Kerja	Kenyataan Penyebut harga (YA/TIDAK)	Cadangan (Jika ada)
<b>1.</b>	<b>KEPERLUAN AM</b>		
1.1	<p>Mengemukakan perkara-perkara seperti di bawah semasa menawarkan sebut harga:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Sekurang-kurangnya tiga (3) Cadangan Reka Bentuk (Proposed Designs) dalam bentuk Visual Mock-up kepada MyCC yang mengandungi perkara- perkara berikut:           <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Reka bentuk Kulit Depan (Front Cover)</li> <li>ii. Reka bentuk Pembahagi Bab (Chapter Separators)</li> <li>iii. Reka bentuk Halaman Dalam Buku (Inner Pages)</li> <li>iv. Reka bentuk Graf, Diagram, Carta dan Jadual</li> </ul> </li> <li>b) Contoh jenis kertas</li> <li>c) Contoh buku laporan/ringkasan jabatan / agensi / badan berkanun Kerajaan dan lain-lain bahan penerbitan yang berkaitan yang pernah diterbitkan oleh Pembekal.</li> <li>d) Profil Pereka Grafik</li> <li>e) Senarai dan Salinan Buku Laporan/Ringkasan dalam apa-apa tajuk yang pernah dikendalikan oleh Pereka Grafik berkenaan</li> </ul>		
1.2	<p>Menyediakan khidmat Pereka Grafik yang berpengalaman dengan kriteria berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pereka Grafik Mesti Bekerja Berpasukan: Pembekal perlu menyediakan sekurang-kurangnya dua (2) orang Pereka Grafik yang akan bekerja secara berpasukan</li> <li>b) Pengalaman Kerja:           <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pereka Grafik:               <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya selama 5 tahun dalam bidang Reka Bentuk Grafik</li> <li>• Pernah mengendalikan penerbitan Laporan Tahunan jabatan / agensi / badan berkanun Kerajaan dan lain-lain bahan penerbitan yang berkaitan dari segi</li> </ul> </li> </ul> </li> </ul>		

	<p>penyediaaan konsep, mereka bentuk grafik dan membuat kerja-kerja typesetting</p> <p>ii. Pereka Grafik Kanan (Senior Graphic Designer):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya selama 10 tahun dalam bidang Reka Bentuk Grafik</li> <li>• Mempunyai pengalaman dan kemahiran tinggi dalam menyediakan konsep, mereka bentuk grafik dan membuat kerja-kerja typesetting untuk penerbitan buku laporan/ringkasan jabatan / agensi / badan berkanun Kerajaan dan lain- lain bahan penerbitan yang berkaitan</li> </ul> <p>c) Mempunyai Peralatan dan Perisian Lengkap:</p> <p>Pembekal perlu membekalkan Pereka Grafik yang ditugaskan dengan peralatan dan perisian yang lengkap bagi melaksanakan kerja-kerja penyediaan konsep, reka bentuk grafik, typesetting dan lain-lain kerja yang berkaitan.</p>		
1.3	<p>Pihak Pembekal haruslah menjalankan kerja-kerja kawalan kualiti seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Menyemak dan membaca pruf (proofreading) dan memastikan tiada kesalahan dari segi ejaan, reka bentuk, visual, layout, format dan penyeragaman (standardisation) pada Reka Bentuk Grafik (termasuk Graf, Diagram, Carta, Jadual)</li> <li>b) Menyediakan Artwork Akhir Berwarna (Coloured Final Artwork) untuk kelulusan sebelum Pruf Warna (Colour Proof).</li> <li>c) Menyediakan Pisah Warna dan Pruf Warna (Colour Separation &amp; Colour Proof) sekurang-kurangnya 50 muka surat untuk kelulusan MyCC sebelum cetakan dibuat.</li> </ol>		
<b>2.</b>	<b>KONSEP KREATIF DAN REKABENTUK</b>		
2.1	Menyediakan Konsep Kreatif dan Reka Bentuk Kulit Buku yang dapat memaparkan isi kandungan buku. Logo Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) hendaklah di paparkan di muka depan buku		
2.2	Konsep Kreatif dan Reka Bentuk yang dicadangkan perlu berserta rasional rekabentuk berdasarkan Tema yang ditetapkan.		
2.3	Menyediakan <i>Finish Artwork</i> termasuk <i>Photo Retouching</i> , Illustrasi Vektor, Infografik, dan ilustrasi dalam resolusi tinggi		

2.4	Membekal gambar atau imej dari Image Bank yang dianggarkan sebanyak 50 keping		
<b>3.</b>	<b>SUNTINGAN VIDEO</b>		
3.1	Membuat suntingan video berdurasi kurang 5 minit		
<b>4.</b>	<b>PENCETAKAN BUKU</b>		
4.1	<p><b>Vendors can recommend high-quality digital printing methods and the quality should be placed with off-set printing quality.</b></p> <p><b>(1) Final Report (including Cover design by Vendor and All content from client in Final Artwork) – English only</b></p> <p><b>Soft Cover – 50 books</b></p> <p>Size : A4 Close / A3 Open</p> <p>Material : Cover – 310gms Art Card : Texts - 120gms simili paper</p> <p>Colour : Cover – 4 colours x 4 colour : Texts - 4 colours x 4 colours</p> <p>Paging : 80 pages to 100 pages include cover : Divider - 5 sheets</p> <p>Finishing : Matt lamination + Spot UV on cover side and perfect binding</p>		
4.2	<p><b>(2) Public Summary Report Books (including Cover design by Vendor and All content from client in Final Artwork) – English &amp; Bahasa Malaysia</b></p> <p><b>Soft Cover – 140 pcs</b></p> <p>Size : 22cm x 22cm Close / 44cm x 22 Open</p> <p>Material : Cover – 310gms Art Card : Texts - 120gms simili paper</p> <p>Colour : Cover – 4 colours x 4 colour : Texts - 4 colours x 4 colours</p> <p>Paging : 60 pages to 80 pages include cover</p> <p>Finishing : Matt lamination + Spot UV on cover side and perfect binding</p>		

## **LAMPIRAN A2**

(Contoh/Sampel/Katalog)

**LAMPIRAN A3**

Cadangan Jadual Pelaksanaan/Jadual Kerja

**DOKUMEN ASAL / SALINAN NO. DARIPADA 2**  
*(sila potong sama ada dokumen asal atau salinan. Jika salinan, sila nomborkan salinan)*

**KATEGORI KEWANGAN**

**MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK KATEGORI KEWANGAN**

Senarai semak berikut perlulah dimasukkan sebagai MUKA DEPAN di dalam Kategori Kewangan. Penyebut harga hendaklah memastikan Kategori Kewangan adalah lengkap merangkumi semua item-item yang dinyatakan di bawah. Kegagalan Penyebut harga melaksanakan demikian akan mengakibatkan Tawaran Sebut Harga Tidak Akan Dipertimbangkan.

No.	<b>NO SIRI DOKUMEN PELAWAAN:</b> MyCC (S), Bil.8/2023 <i>(sila isi no. siri di atas seperti yang tertera di muka depan dokumen pelawaan)</i>			
	Dokumen Yang Perlu Diserahkan	<b>Sila Tanda (✓)</b>		
		Ditanda oleh Penyebut Harga	Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga	Muka Surat di Tawaran Harga
1.	Surat Akuan Pembida yang telah dilengkapkan dan ditandatangani <b>Lampiran B1</b>			
2.	Salinan Sijil Akaun Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan dan Sijil Pendaftaran SSM <b>Lampiran B2</b>			
3.	Salinan Sijil Akaun Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Wajib) <b>Lampiran B3</b>			
4.	<b>Lampiran Q</b> yang telah dilengkapkan dan ditandatangani <b>Lampiran B4</b>			
5.	Keterangan Mengenai Pembekal <b>(Lampiran B5)</b>			

No.	<b>NO SIRI DOKUMEN PELAWAAN:</b> <b>MyCC (S), Bil.8/2023</b> <i>(sila isi no. siri di atas seperti yang tertera di muka depan dokumen pelawaan)</i>			
	<b>Dokumen Yang Perlu Diserahkan</b>	<b>Sila Tanda (✓)</b>		
		<b>Ditanda oleh Penyebut Harga</b>	<b>Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga</b>	<b>Muka Surat di Tawaran Harga</b>
6.	Jadual Harga Bagi Spesifikasi Rekabentuk Buku Laporan yang telah diisi dan dilengkapkan <b>Lampiran B6</b>			
7.	Penyata Kewangan Bagi tiga (3) Bulan terakhir (September, Oktober & November) <b>Lampiran B7</b>			
8.	Senarai Nama Projek Yang Pernah Dilaksanakan dilabelkan <b>Lampiran B8</b>			

#### **PENGESAHAN OLEH PENYEBUT HARGA**

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat yang dinyatakan di atas dan semua maklumat yang dikemukakan adalah benar dan lengkap.

.....  
Nama Prinsipal : .....

No. K.P : .....

Tarikh : .....

Cop Syarikat : .....

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

Bagi

**PELAWAAN SEMULA SEBUT HARGA MEMBEKALKAN PERKHIDMATAN REKABENTUK & PERCETAKAN PENERBITAN BUKU LAPORAN AKHIR DAN RINGKASAN LAPORAN "IMPACT ASSESSMENT OF MyCC ENFORCEMENT ACTIVITIES"**

**SEBUT HARGA MyCC(S) BIL. 8/2023**

Saya, (*Nama Wakil Syarikat*) \_\_\_\_\_ nomor kad pengenalan \_\_\_\_\_ yang mewakili (*Nama Syarikat*) \_\_\_\_\_ no.pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) \_\_\_\_\_ dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam Suruhanjaya Persaingan Malaysia atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:-

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi sebut harga di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa-

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan \*di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas

kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat\*\* memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : .....  
Nama : .....  
No. Kad Pengenalan : .....  
Tarikh : .....  
Cop Syarikat : .....

Catatan:

- (i) \*termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) \*\*seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

**LAMPIRAN B2**

(Sila lampirkan Salinan Sijil Akaun Pendaftaran dari Kementerian Kewangan dan Sijil Pendaftaran SSM)

**LAMPIRAN B3**

(Sila lampirkan Salinan Sijil Akaun Bumiputera Dari Kementerian Kewangan, wajib lampirkan)

**LAMPIRAN B4**

(Kew. 284 – Pin. 2/94)

**LAMPIRAN Q**

No. Sebut Harga: MyCC (S) Bil. 8/2023
--

**BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN  
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)  
NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN BARANG-BARANG/PERKHIDMATAN**

Kepada (Nama Syarikat) .....

Pelawaan Sebut Harga dikeluarkan oleh Suruhanjaya (Alamat Lengkap)

No. Telefon .....

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Menara SSM@Sentral, Level 15,  
No.7 Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur  
Sentral, 50623 Kuala Lumpur.**

No. Pendaftaran dengan Kementerian

No. Telefon ..... 03-2273 2277

Kewangan .....

Kod Bidang Pendaftaran yang relevan  
dengan pembelian ini

**Pelawaan Semula Sebut Harga Membekalkan  
Perkhidmatan Rekabentuk & Percetakan  
Penerbitan Buku Laporan Akhir Dan  
Ringkasan Laporan "Impact Assessment of  
MyCC Enforcement Activities" bagi  
Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC),  
MyCC (S), Bil.8/2023**

Tarikh Pelawaan: **26 Disember 2023 (Selasa)**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan barang-barang/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan :

- 1.1 Syarat Penyerahan/Penyempurnaan ..... Seperti di dalam dokumen sebut harga .....
- 1.2 Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan dikehendaki ..... Mengikut syarat-syarat dalam kontrak .....
- 1.3 Arahan Pengiriman ..... Bahagian Khidmat Pengurusan, Suruhanjaya Persaingan Malaysia .....
- 1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul surat berlakri dan bertanda No. Sebut Harga ..... MyCC (S) Bil. 8/2023 .....
- 1.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada **04 Januari 2024 (Khamis), jam 12.00 tengahari.**
- 1.6 Tempoh sahlaku sebut harga hendaklah ..... 90 hari selepas tarikh tutup .....

Tarikh: .....

Tandatangan: .....

Nama Pegawai:

Jawatan: .....

Bil	Perihal barang-barang/perkhidmatan dan syarat-syarat khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Jabatan					Untuk diisi oleh penyebut harga
	<p><b>Pelawaan Semula Sebut Harga Membekalkan Perkhidmatan Rekabentuk &amp; Percetakan Penerbitan Buku Laporan Akhir Dan Ringkasan Laporan "Impact Assessment Of MyCC Enforcement Activities"(MyCC), MyCC (S), Bil.8/2023</b></p> <p>Tarikh Penyerahan/ Penyempurnaan ditawarkan .....  * Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan</p>				Jumlah

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan

(ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah ..... \*wajib nyatakan

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan Penyebut harga: .....

Nama dan K/P: .....

Tarikh : ..... Alamat Syarikat: .....

## **Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang** **SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

### 1. KEADAAN BARANG

Semua barang hendaklah tulin, baru dan belum digunakan

### 2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan

### 3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item

### 4. BARANG-BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi

### 5. PENYETUJUAN

- (i) Suruhanjaya tidak terikat untuk menyetujuterima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga.
- (ii) Tiap-tiap satu butiran akan ditimbangkan sebagai suatu sebut harga yang berasingan.

### 6. PEMERIKSAAN

- (i) Suruhanjaya adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

### 7. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa Barang-barang  
Perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam piawaian ini.

### 8. PENOLAKAN

- (i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak.
- (ii) Apabila diminta penyebut harga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Suruhanjaya segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.
- (iii) Fasal-kecil (i) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Suruhanjaya untuk mendapatkan gantirugi kerana kemungkinan kontrak

### 9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Persaingan terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidangkuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURAN

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

**BARANG-BARANG EK-STOK ATAU KELUARAN MALAYSIA**

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkus dan belanja pembungkusan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkus atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor catalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

**BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATAWANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkus dan belanja pembungkusan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkus atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

**KETERANGAN MENGENAI PEMBEKAL**

**1. NAMA SYARIKAT :**

**2. ALAMAT SYARIKAT :**

**3. NO. TELEFON :**

**NO. FAX :**

**4. TARIKH DITUBUHKAN :**

**5. JENIS SYARIKAT :**

**6. JENIS PERNIAGAAN :**

**7. NAMA PENGERUSI :**

**8. KOMPOSISI MODAL :**

**9. LEMBAGA PENGARAH :**

- a.
- b.
- c.
- d.
- e.

**10. NAMA DAN KEWARGANEGARAAN AHLI LEMBAGA PENGARAH :**

- a.
- b.

C.

**11. PENDAFTARAN SYARIKAT :**

- a. No. Pendaftaran : \_\_\_\_\_
- b. Tarikh ditubuhkan : \_\_\_\_\_

**12. PENDAFTARAN PERBENDAHARAAN :**

- a. No. Pendaftaran : \_\_\_\_\_
- b. Tarikh Mula Pendaftaran : \_\_\_\_\_
- c. Bidang Pendaftaran :
  - i.
  - ii.
  - iii.
  - iv.

**13. STATUS SYARIKAT : \_\_\_\_\_**

- a. 100% Kepunyaan Syarikat Tempatan
- b. Perkongsian Antara syarikat Tempatan/ Luar Negeri
- c. Syarikat Luar Negeri
- d. Lain- Lain ( Sila Nyatakan)

**14. PERATUSAN KAKITANGAN :**

- a. Bumiputera
- b. Bukan Bumiputera

**15. MODAL :**

- a. Modal Dibenarkan : \_\_\_\_\_
- b. Modal Berbayar : \_\_\_\_\_

**16. BANK:**

- a. Nama Bank : \_\_\_\_\_
- b. No. Akaun Bank : \_\_\_\_\_

**17. BILANGAN KAKITANGAN :**

	<b>Bumiputera</b>	<b>Bukan Bumiputera</b>	<b>Lain-Lain</b>
Pentadbiran/Pengurusan			
Teknikal/ Profesional			
Lain-Lain (nyatakan)			

Nota: Sekiranya ruangan di atas yang disediakan tidak mencukupi, menyebut harga hendaklah mengemukakan borang tambahan. Walau bagaimanapun, borang tambahan tersebut hendaklah mengandungi tajuk dan bilangan medan yang sama.

**Saya memperakui segala keterangan yang disertakan adalah benar.**

T/TANGAN PENYEBUT HARGA : \_\_\_\_\_

TARIKH : \_\_\_\_\_

NAMA : \_\_\_\_\_

JAWATAN RASMI DALAM SYARIKAT : \_\_\_\_\_

T/TANGAN SAKSI : \_\_\_\_\_

NAMA : \_\_\_\_\_

JAWATAN : \_\_\_\_\_

Suruhanjaya Persaingan (MyCC)  
Level 15 Menara SSM@Sentral,  
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur.

**LAMPIRAN B6****JADUAL HARGA**

*Spesifikasi Rekabentuk & Percetakan Penerbitan Buku Laporan Akhir dan Buku Ringkasan "Impact Assessment of MyCC Enforcement Activities"*

Perkara / Kerja	Harga Seunit (RM)	Harga (RM)
<b>A. CREATIVE &amp; STUDIO PRODUCTION COST</b>		
i) Concept Development - Research, develop and creating idea from formless idea to precise message in an appropriate form with supportive visuals and content		
ii) Layout Design - Design the layout by using suitable fonts, spacing, margin, visual, images, infographic and textual elements to ensure the layout of book are smooth flow		
iii) Studio Material & Time Cost		
iv) Finish Artwork - to do Final checking and adjustment on all technical, colours, layout, images and setting a finish art work with the cropping mark ready to sending out for CTP / Colour separations		
v) Royalty-Free Images / Vector Images (50 images) - All images, Infographic and Vector images are under the copyright license control.		
vi) Digital proofing & Full Mock-up for checking 3 Books		
vii) Colour Separations /Printing Block (CTP) (If using Off-set printing)		
<b>TOTAL COST (A)</b>		

Bil.	Perkara / Kerja	Harga Seunit (RM)	Harga (RM)
<b>2.</b>	<b>B. VIDEO EDITING / POST PRODUCTION</b>		
	Package for Video Editing (estimate less than 5 minutes) <ul style="list-style-type: none"> <li>- On-line post production multi layers video effects, computer graphics transitions</li> <li>- Sound effect &amp; royalty background music</li> <li>- Motion graphics suits and text motion design emelents</li> </ul>		
	<b>TOTAL COST (B)</b>		
<b>3.</b>	<b>C. PRINTING COST BY QUANTITY</b>		
	<b>Vendors can recommend high-quality digital printing methods and the quality should be placed with off-set printing quality.</b> <p><b>(1) Final Report (including Cover design by Vendor and All content from client in Final Artwork) – English only</b></p> <p><b>Soft Cover – 50 books</b></p> <p>Size : A4 Close / A3 Open</p> <p>Material : Cover – 310gms Art Card : Texts - 120gms simili paper</p> <p>Colour : Cover – 4 colours x 4 colour : Texts - 4 colours x 4 colours</p> <p>Paging : 80 pages to 100 pages include cover : Divider - 5 sheets</p> <p>Finishing : Matt lamination + Spot UV on cover side and perfect binding</p>		
	<b>TOTAL COST (1)</b>		
	<b>(2) Public Summary Report Books (including Cover design by Vendor and All content from client in Final Artwork) – English &amp; Bahasa Malaysia</b>		

	<b>Soft Cover – 140 pcs</b>		
	Size : 22cm x 22cm Close / 44cm x 22cm Open		
	Material : Cover – 310gms Art Card		
	: Texts - 120gms simili paper		
	Colour : Cover – 4 colours x 4 colour		
	: Texts - 4 colours x 4 colours		
	Paging : 60 pages to 80 pages include cover		
	Finishing : Matt lamination + Spot UV on cover side and perfect binding		
	<b>TOTAL COST (2)</b>		
	<b>TOTAL COST C (TOTAL COST (1) + TOTAL COST (2))</b>		
	<b>TOTAL ALL (COST A + COST B + COST C)</b>		

**LAMPIRAN B7**

Sila lampirkan Penyata Kewangan tiga (3) bulan terakhir (September, Oktober dan November)

**LAMPIRAN B8****1. Senarai Nama Projek/Kajian Yang Pernah Dilaksanakan :**

Bil	Nama Projek	Tahun Projek Dilaksanakan	Tempoh Perlaksanaan	Organisasi	Nilai Projek (RM)	Jumlah Kakitangan yang terlibat
1.						
2.						
3.						
4.						
5.						
6.						
7.						
8.						

Nota: Sekiranya ruangan di atas yang disediakan tidak mencukupi, penyebut harga hendaklah mengemukakan borang tambahan. Walau bagaimanapun, borang tambahan tersebut hendaklah mengandungi tajuk dan bilangan medan yang sama.